

ARAHAN PENGARAH TANAH DAN GALIAN KELANTAN BIL. 1/2003

PEMAKAIAN PEKELILING PTG BIL. 4/2002 DAN SEKSYEN 204D KANUN TANAH NEGARA 1965

Arahan ini dikeluarkan untuk memaklumkan kepada Pentadbir Tanah mengenai pemakaian Pekeliling Pengarah Tanah Dan Galian Kelantan Bil. 4/2002 berhubung dengan Kadar Premium Tambahan Bagi Tanah-Tanah Yang Diubah Jenis Kegunaannya Di Bawah Seksyen 124 Kanun Tanah Negara 1965.

2. Adalah dimaklumkan bahawa Pekeliling PTG Bil. 4/2002 yang bertarikh 4hb Disember 2002 tersebut mula berkuatkuasa pada 1hb Januari 2003 selaras dengan keputusan Majlis Mesyuarat Kerajaan Bil. 19/2002 yang bersidang pada 18 September 2002 bagi menggantikan kadar premium tambahan yang sedia digunapakai sebagaimana Pekeliling PTG. Bil. 1/1981.

3. Mesyuarat Majlis Mesyuarat Kerajaan Bil. 15/2003 yang bersidang pada 30hb Julai 2003 telah dimaklumkan bahawa terdapat Pentadbir Tanah yang mahukan arahan yang jelas dikeluarkan mengenai pemakaian Pekeliling PTG Bil. 4/2002 bagi mengenakan kadar premium tambahan bagi permohonan yang dibuat di bawah Seksyen 204D Kanun Tanah Negara 1965.

4. Pentadbir-Pentadbir Tanah diingatkan bahawa Pekeliling PTG Bil. 4/2002 hendaklah juga digunapakai bagi menentukan kadar premium tambahan bagi permohonan-permohonan untuk mengubah jenis kegunaan tanah melalui kaedah serahbalik dan milik semula sebagaimana peruntukan khas Seksyen 204D Kanun Tanah Negara 1965.

5. Sehubungan dengan ini, Pentadbir-Pentadbir Tanah adalah diminta untuk memastikan kadar premium tambahan yang dikenakan bagi permohonan-permohonan di bawah Seksyen 124 dan Seksyen 204D Kanun Tanah Negara 1965 adalah mematuhi Pekeliling PTG Bil. 4/2002 yang telah dikeluarkan.

(ABDUL HALIM BIN HJ. AHMAD)
PENGARAH TANAH DAN GALIAN
NEGERI KELANTAN

Kepada :

Semua Pentadbir Tanah Negeri Kelantan.

Salinan kepada:

1. YAB. Tuan Guru Dato' Menteri Besar Kelantan
2. YB. Dato' Timbalan Menteri Besar Kelantan.
3. YBM. Dato' Setiausaha Kerajaan Kelantan
4. YB. Dato' Penasihat Undang-Undang Negeri Kelantan
5. YB. Pegawai Kewangan Negeri Kelantan
6. YABrs. Ketua Audit Negeri Kelantan
7. YBrS. Ketua Penolong Setiausaha, Majlis Mesyuarat Kerajaan Kelantan.
8. YBrS. Ketua Penolong Setiausaha , Kerajaan Tempatan.
9. FF.PTG

**PEJABAT PENGARAH TANAH DAN GALIAN
NEGERI KELANTAN
BLOK 3, KOTA DARULNAIM**

15576 KOTA BHARU

Bertarikh :

Fail : PTG.KN 3269 Jld.2 (63)